



# UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2023

### KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/ PROJEK UNIVERSITI TAHUN 2023 DAN 2024

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PK) 2.21: Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan Tahun 2022, 2023 dan 2024 di Universiti.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 13 Jun 2023, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan Tahun 2022, 2023 dan 2024 dimana pelaksanaannya adalah mulai 1 Julai 2023 sehingga 31 Disember 2024. Dalam pekeliling ini, MOF memberi beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong pertumbuhan dan pemulihian ekonomi negara, ekoran ketidaktentuan ekonomi global serta ketegangan geopolitik antarabangsa.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 12/2023 pada 16 Ogos 2023 telah memperaku dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2023 pada 17 Ogos 2023 telah meluluskan kaedah perolehan/ projek dengan kelonggaran di dalam pelaksanaan perolehan di Universiti.

#### 3.0 PELAKSANAAN

Bagi memastikan pelaksanaan perolehan/ projek bagi tahun 2023 dan 2024 ini dilaksanakan seperti yang telah digariskan dalam pekeliling tersebut, Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu mematuhi perkara seperti berikut;

- 3.1.1. Perancangan dan pelaksanaan perolehan harus dilaksanakan lebih awal bagi memastikan semua perolehan untuk tahun 2023 dan 2024 dapat dilaksana seperti dijadualkan.
- 3.1.2. Kebenaran Mempakejkan Perolehan Tahunan Bagi Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja;
- Bagi memastikan perolehan dapat dilaksana dengan segera dan membuka lebih banyak peluang, perolehan tahunan dibenarkan untuk dipakejkan kepada yang lebih kecil iaitu secara sebut harga berbanding tender bagi had melebihi RM50 ribu. Namun, perolehan tersebut tidak dibenarkan untuk dipakejkan kepada pembelian terus atau lantikan terus.
  - Bagi mana-mana perolehan yang telah dipecahkan kepada pakej lebih kecil dalam tempoh sehingga 31 Disember 2024, kaedah perolehan bagi baki pakej perolehan yang belum dilaksanakan selepas tarikh tersebut adalah berdasarkan had nilai perolehan sedia ada yang berkuatkuasa.

3.1.3. Pelaksanaan Perolehan Kerja

- Had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) bagi perolehan kerja adalah seperti berikut:

Bil	Kaedah Perolehan	Had Nilai	PBM
1.	Lantikan Terus	Sehingga RM50 ribu	Pegawai yang diberi kuasa
2.	Kerja <i>Requisition</i> secara undian	Sehingga RM100 ribu	Pegawai yang diberi kuasa
3.	Sebut Harga	Melebihi RM50 ribu hingga RM1 juta	Jawatankuasa Sebut Harga
4.	Tender	Melebihi RM1 juta	Jawatankuasa Perolehan Tender

- Had nilai dan syarat perolehan bagi perolehan kerja adalah seperti di Lampiran 1

#### **4.0 PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN**

- 4.1 Bagi maksud pelaksanaan pekeliling ini, Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2024. Perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam pekeliling ini adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.
- 4.2 Kaedah pelaksanaan perolehan yang telah digariskan dalam pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Julai 2023 sehingga 31 Disember 2024.

#### **5.0 PEMBATALAN**

Selaras dengan penguatkuasaan pekeliling ini, maka Pekeliling Bendahari Bil.3/2023 Pelaksanaan Perolehan Universiti Bagi Tahun 2022 dan 2023 adalah dibatalkan.